



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

**“MENEROKAI DAN MENGHAYATI MUKJIZAT AL-QURAN”**

25 Februari 2022 / 23 Rejab 1443

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>1</sup> الْقَائِل:

﴿أَفَلَا يَتَدَبَّرُونَ الْقُرْآنَ وَلَوْ كَانَ مِنْ عِنْدِ غَيْرِ اللَّهِ لَوَجَدُوا فِيهِ اخْتِلَافًا كَثِيرًا﴾

(Surah an-Nisa` ayat 82)<sup>2</sup>

Ertinya: Patutkah mereka (bersikap demikian), tidak mahu memikirkan isi al-Quran? Kalaulah al-Quran itu (datangnya) bukan dari Allah, nescaya mereka akan dapati perselisihan di dalamnya.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>3</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>4</sup> أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Marilah kita bertakwa ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan menjauhi segala larangan Nya; semoga iman dan takwa kita terus subur, tersemat kemas dalam jiwa dan sanubari sehingga saat kita menemui yang Maha Esa. Sempena Majlis Tilawah Dan Menghafaz al-Quran Peringkat Negeri Perak, mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk: **“MENEROKAI DAN MENGHAYATI MUKJIZAT AL-QURAN”**.

Terandung dalam al-Quran seratus empat belas (114) surah. Setiap huruf al-Quran mempunyai nilai kemukjizatan tersendiri. Ilmu mukjizat al-Quran terbahagi kepada tujuh cabang utama, iaitu bahasa, kejiwaan, syariat, sains, matematika, perkhawaran lampau dan perkhawaran akan datang. Tilawah al-Quran atau bacaan al-Quran menzahirkan dua kemukjizatan, pertama: bahasa, kedua kejiwaan. Alunan bacaan al-Quran yang bertajwid, berserta rentak taranum, ditambah keindahan susunan huruf dan perkataan, dihiasi pula dengan kemerduan suara pembaca, pasti menyentuh jiwa insani bahkan memberi kesan

<sup>1</sup> Memuji Allah<sup>2</sup> Ayat Al-Quran<sup>3</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW<sup>4</sup> Pesan Taqwa



kepada makhluk sekeliling. Catatan sejarah awal Islam membuktikan hal tersebut. Walid bin al-Mughirah seorang pembesar dan penyair Arab, teruja dengan keindahan bahasa al-Quran lantas mengungkap kata-kata: "Sungguh, padanya kesempurnaan keindahan bahasa." Sayidina Umar ibni Khattab RA terkelu lidah, sejuk amarahnya sebaik mendengar bacaan surah Taha; sinaran hidayah lalu menerpa masuk ke dalam jiwanya. Pada era sains dan teknologi masa kini, kemukjizatan bahasa dan kemukjizatan kejiwaan terus dikaji dan dihalusi. Hasil pelbagai kajian ilmiah membuktikan bacaan al-Quran memberi kesan yang sangat positif kepada jantung manusia; tumbesaran tumbuh tumbuhan terkesan dengan bacaan surah al-Waaqi'ah; haiwan sembelihan korban dapat dijinakkan dengan bacaan ayat daripada surah Ali Imran. Beberapa kajian menunjukkan molekul air terkesan dengan bacaan al-Quran. Bacaan al-Quran juga menjadi asbab kepada penyembuhan penyakit, sesuai dengan salah satu nama al-Quran iaitu al-Syifa` yang bermaksud penyembuhan. Mukjizat al-Quran, khususnya kemukjizatan saintifik al-Quran telah menjadi asbab kepada ramai sarjana dan ilmuwan menerima hidayah Allah SWT.

### **Para tetamu rumah Allah yang dimuliakan,**

Umat Islam di negara ini secara umumnya menyedari pentingnya al-Quran dalam hidup insan. Atas kesedaran tersebut anak-anak telah diperkenalkan dengan al-Quran sejak usia muda. Anak-anak dididik untuk boleh membaca al-Quran dan diasuh untuk berupaya menghafal surah-surah tertentu, membaca surah tertentu dalam majlis atau sempena peristiwa tertentu, antaranya ketika memohon hajat, menghadapi dugaan, menghadapi keuzuran dan kematian. Kini minat untuk menghafal al-Quran semakin meningkat berdasarkan pengajian tahfiz yang semakin berkembang dan semakin mendapat sambutan.

Namun nilai al-Quran, kehebatan al-Quran, ilmu dan mukjizat yang terkandung dalam al-Quran tidak akan dapat diperoleh selengkapnyanya, jika ayat-ayat al-Quran sekadar dijadikan bahan bacaan dan bahan hafalan. Apabila ALLAH SWT mahukan kita berhubungan secara aktif dengan al-Quran, Allah SWT akan membuka dan mendorong hati kita untuk menerokai hingga ke penghujung, erti yang terkandung dalam setiap ayat al-Quran. Khazanah dan mutiara berharga yang terkandung dalam al-Quran hanya dapat ditemui melalui usaha, menerokai dan selanjutnya menghayati al-Quran. Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan telah menitahkan agar kaedah pengajaran al-Quran hendaklah memberikan keutamaan kepada usaha menerokai dan menghayati kandungan al-Quran.

**'Menerokai'** bermaksud menyelidiki, menyelami, mengkaji, menghalusi, mengharungi, menjelajah dan mengembara untuk mengetahui sesuatu perkara yang belum diketahui.



**‘Menghayati’** bermaksud mengalami dan merasai dalam batin serta meresapkan ke dalam jiwa. Justeru itu al-Quran wajib diterokai untuk dihayati dalam setiap jiwa umat Islam. Terdapat ratusan ayat al-Quran yang menyeru orang beriman memanfaatkan akal anugerah Illahi agar menjadi insan yang bijaksana.

Insan beriman akan memanfaatkan akal, mengambil pengajaran dengan menerokai makna yang tersirat dalam ayat-ayat al-Quran dan menghayatinya dalam kehidupan harian. Insan yang memanfaatkan akal, akan mencerminkan kebijaksanaan sifat-sifat insani dan menjauhkan diri daripada godaan nafsu haiwani. Pada hari ini jika ada pemimpin yang menerima rasuah, jika ada pegawai yang pecah amanah, jika ada pekerja yang curi tulang, jika ada peniaga yang menipu, jika ada suami yang mengabaikan tanggungjawab, jika ada anak muda yang terlibat dengan gejala sosial, jika ada pergaduhan yang memutuskan silaturahim, jika ada pertentangan politik kepartian yang menggadaikan persaudaraan, jika hutang gagal dilangsaikan, jika solat diabaikan, jika pendidikan agama diremehkan; Allah SWT telah menegaskan jawapannya dalam al-Quran, antaranya, firman Allah SWT dalam surah al-Maidah ayat 58:

﴿ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَا يَعْقِلُونَ ﴾

Maksudnya: Yang demikian itu adalah kerana mereka benar-benar kaum yang tidak mahu menggunakan akal.

Menjunjung titah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan, agar kandungan al-Quran diterokai dan dihayati, program tadabbur al-Quran telah dilancarkan di negeri Perak pada 21 Mei 2019 bagi memupuk pembudayaan al-Quran dalam kehidupan insan. Tadabbur al-Quran bermaksud penghayatan terhadap ayat-ayat al-Quran untuk difahami maksud, hikmah dan pengajarannya; dengan memberikan pemerhatian yang menyeluruh terhadap maksud sebuah ungkapan dan makna mendalam yang terkandung di sebaliknya. Insan yang mentadabbur al-Quran, ialah insan yang meneliti sesuatu ayat al-Quran secara berulang-ulang, untuk memahami maksud yang terkandung di sebalik ayat yang difirmankan, membawa insan tersebut terbang tinggi, terpegun menikmati, huraian demi huraian wahyu Illahi dengan langgam bahasa yang indah. Tadabbur menjadikan manusia lebih insaf, manusia akan melontarkan pertanyaan demi pertanyaan, yang akan mendorong manusia berfikir tentang hikmah, tentang nilai pengajaran, serta merasai nikmat kemanisan berinteraksi dengan ayat-ayat Allah.



Mimbar menyeru dan memperingatkan para jemaah kepada perkara-perkara berikut:

**Pertama:** Ilmu kemukjizatan al-Quran ialah ilmu yang sangat penting untuk diterokai dan dihayati.

**Kedua:** Tadabbur membolehkan manusia memahami ayat-ayat al-Quran, mengaitkan al-Quran dengan diri kita untuk diamalkan dalam kehidupan harian dan untuk disampaikan fahaman tersebut serta dikembangkan amalan baik kepada orang lain.

**Ketiga:** Kaedah pengajaran al-Quran hendaklah beralih daripada sekadar membaca dan menghafal kepada mengutamakan fahaman, penghayatan dan amalan.

**Keempat:** Jadikan al-Quran penyuluh hidup dan sedarilah bahawa al-Quran akan menjadi teman setia ketika kita berada di alam barzakh; oleh itu rapatkan diri dengan al-Quran dengan menjadikan amalan setiap hari, membaca walaupun sepotong ayat dengan memahami maksudnya.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ  
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.

### Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>5</sup> حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا  
وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>6</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>7</sup> وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

### Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabi'in. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Kekalkanlah persaudaraan sesama Muslimin. Makmurkanlah rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutamanya solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

<sup>5</sup> Memuji Allah

<sup>6</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>7</sup> Pesan Taqwa



إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا<sup>8</sup>  
 اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى  
 مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.  
 اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ<sup>9</sup> وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ  
 وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ وَتَثِّبْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.  
 اللَّهُمَّ اذْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْعَلَاءَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ عَن بَلَدِنَا هَذَا  
 خَاصَّةً وَعَنْ سَائِرِ بُلْدَانٍ عَامَّةً.

**Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!**, muliakan kami dengan takwa dan istiqamah. Kurnialah kami kecintaan kepada al-Quran. Hiasilah kami dengan akhlak al-Quran. Mudahkan kami untuk beramal dengan pedoman al-Quran.

**Ya Razzaq**, berkatilah hamba-Mu yang melaksanakan tuntutan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai rezeki yang berlipat ganda kepada mereka, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan fuqara dan masakin daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Dzal Jalaali Wal Ikram!**, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Teguhkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

**Ya Qahhar Ya Jabbar!**, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah, jujur dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

<sup>8</sup> Ayat Al-Quran

<sup>9</sup> Doa untuk kaum muslimin



**Ya Malik! Ya Hadi!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ  
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ﴾.